

# LAWATAN PENANDAARASAN DARI KOLEJ VOKASIONAL WAKAF TEMBESU, KUALA TERENGGANU

5 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN**  
**IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun, telah menerima kunjungan lawatan penandaaran seramai 27 orang pelajar termasuk tenaga pengajar dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu, pada 5 November 2023, Ahad yang lalu. Lawatan penandaaran dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu ini diiringi oleh dua orang pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Terengganu.

Sepanjang lawatan ini, delegasi lawatan telah diberi penerangan berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan kepada warga UiTMCT dan juga komuniti setempat. Di samping itu, pelajar diberi pendedahan mengenai kaedah pencarian koleksi buku melalui sistem Online Public Access Catalogue (OPAC). Turut diterangkan ialah perkhidmatan yang ditawarkan kepada ahli luar UiTM. Delegasi lawatan dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu ini juga dibawa melawat ke sekitar ruang kerja perpustakaan dan diberi penerangan ringkas mengenai pemerosesan buku dan koleksi.

Secara tuntasnya, lawatan penandaaran selama dua jam ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, daripada wakil delegasi lawatan dan diikuti dengan sesi bergambar kenangan. Semoga dengan perkongsian daripada lawatan ini dapat memberi inspirasi dan menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya di UiTMCT.

